



**UNTUK EDARAN SEGERA**

**PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**

**PELAKSANAAN AKTIVITI PENGGAMBARAN FILEM PADA FASA DUA PELAN  
PEMULIHAN NEGARA**

---

**Petaling Jaya, 21 Julai 2021** – Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) ingin menzahirkan ucapan penghargaan kepada pihak kerajaan di atas kelulusan bagi pembukaan semula aktiviti penggambaran filem pada fasa kedua Pelan Pemulihan Negara seperti yang diumumkan YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan bertarikh 19 Julai 2021. FINAS juga merakamkan ucapan terima kasih kepada YB Dato' Saifuddin Abdullah, Menteri Komunikasi dan Multimedia yang telah mendukung pelbagai strategi dan inisiatif termasuklah polisi baharu aktiviti penggambaran secara lebih sistematik, terkawal dan diperketatkan dalam tempoh fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) ini.

Sehubungan dengan itu, FINAS ingin mengingatkan semua syarikat produksi drama, iklan dan dokumentari yang layak untuk mematuhi semua garis panduan dan SOP yang ditetapkan melalui pelaksanaan Protokol Gelembung Penggambaran (PREP) bagi penggambaran luar yang terasing, terhad dan terkawal di negeri-negeri status Fasa Dua Pelan Pemulihan Negara. Ini adalah usaha bersepadu kerajaan melalui KKMM dan FINAS dalam memperkasakan aspek pengurusan, keselamatan, kesihatan, dan pencegahan dalam sesebuah aktiviti penggambaran untuk kawalan risiko jangkitan wabak COVID-19.

Justeru, untuk maklumat lanjut berkaitan garis panduan, borang permohonan Surat Perakuan Penggambaran Filem Khas (SPP Khas), tatacara permohonan dan soalan-soalan lazim berkaitan aktiviti penggambaran filem dengan syarat yang diperketatkan pada Fasa Dua Pelan Pemulihan Negara ini, syarikat produksi yang layak boleh melayari saluran maklumat bermula 21 Julai 2021 menerusi laman sesawang di [www.finas.my](http://www.finas.my) atau hubungi talian **03-41041300/1458/1360** (**Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan**) dan emel di [sppkhas@finas.my](mailto:sppkhas@finas.my).

**Dr. Ahmad Idham Ahmad Nadzri**  
**Ketua Pegawai Eksekutif**  
**Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)**  
**21 Julai 2021**